

UMS pilihan pelajar dalam, luar negara

um 14/09/2011 30

KOTA KINABALU 13 Sept. - Meskipun baru berusia 17 tahun, nama Universiti Malaysia Sabah (UMS) tetap menjadi pilihan pelajar untuk menyambung pelajaran, terutama penuntut antarabangsa.

Ini terbukti apabila seramai 156 penuntut asing mendaftar bagi sesi 2011/2012 baru-baru ini, meningkat sebanyak 65 orang berbanding pada tahun lalu.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Ampon berkata, daripada jumlah tersebut seramai 135 penuntut adalah dari Chi-

na, manakala 14 dari Brunei Darussalam, Indonesia (2), Turki (2), Korea Selatan (2) dan Taiwan (1).

Menurutnya, kumpulan pelajar asing itu mewakili kira-kira tiga peratus daripada keseluruhan 4,593 penuntut yang mendaftar bagi sesi tersebut.

"Pencapaian ini amat membanggakan, walaupun UMS masih dianggap muda dengan usianya baru mencapai 17 tahun, namun, universiti ini berjaya mendapat tempat di kalangan penuntut antarabangsa.

"Malah, UMS juga semakin men-

dapat perhatian dan pilihan utama dalam kalangan penuntut tempatan. Ketika mula-mula ditubuhkan dulu, kebanyakan penuntut yang diambil adalah mereka yang tidak berjaya mendapat tempat di universiti lain," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas taklimat ringkas untuk sesi taklimat ibu bapa sempena minggu suai mesra sesi 2011/2012 di Laman Graduan, Dewan Canselori.

Katanya, kebanyakan penuntut antarabangsa di universiti itu di-

tempatkan di kampus cawangan UMS di Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Wilayah Persekutuan Labuan.

Jelasnya, majoriti pelajar asing itu mengambil jurusan berkaitan pemasaran dan kewangan antarabangsa di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (LSIBF).

Sementara itu, penuntut dari China, Hu Qing Lin, 19, berkata, UMS menjadi pilihan utamanya kerana tertarik dengan keindahan dan kepelbagaiannya budaya masyarakat di

negeri itu.

"Sebelum membuat keputusan, saya diberi dua pilihan, sama ada melanjutkan pengajian di Universiti Malaya (UM) atau UMS tetapi saya memilih UMS kerana mahu mendiami keunikan budaya masyarakat di sini. Ia juga peluang saya untuk mengetahui dunia luar," katanya.

Qing Lin yang berasal dari Wilayah Xin Jiang berkata, dia yakin kursus yang disediakan di UMS setanding dengan yang ditawarkan universiti terkemuka lain.